

23 NOV 2000

DR MAHATHIR TIBA UNTUK SIDANG KEMUNCAK TIDAK RASMI ASEAN

SINGAPURA, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri sidang kemuncak Tidak Rasmi Asean keempat.

Dr Mahathir akan menyertai pemimpin lain dari perkumpulan 10 negara Asia Tenggara itu yang akan membincangkan arah haluan Asean pada abad baru selepas krisis ekonomi Asia 1997.

Para pemimpin itu akan menghadiri jamuan malam sebelum menyertai sidang kemuncak esok.

Mereka akan juga menemui rakan sejawatan mereka dari China, Jepun dan Korea Selatan pada Sabtu.

Terdahulu, di KUALA LUMPUR, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir.

Mesyuarat pertama tidak rasmi Ketua-Ketua Kerajaan Asean diadakan di Jakarta pada 1996, diikuti di Kuala Lumpur (1997) manakala Manila menganjurkan sidang kemuncak tahun lepas.

-- BERNAMA

AT TCL RYN AKD